

18/06/2003

KDN tidak harus maafkan kesalahan Harakah hina PM

By: Ridzuan Yop; Azmi Md Deros

KUALA LUMPUR: Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak harus memaafkan lidah rasmi Pas, Harakah kerana menyiarkan kartun yang menghina Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Exco Pergerakan Pemuda Umno, Ikmal Hisham Abdul Aziz ketika dihubungi berkata, KDN tidak sepatutnya memaafkan kesalahan Harakah itu sebagai pengajaran kepada pengarang dan penerbitnya supaya tidak mengulangi perbuatan biadap itu.

"Pemuda Umno mendesak kerajaan membatalkan saja permitnya kerana ia sudah melampau. Perbuatannya itu jelas mengundang perpecahan di kalangan umat Islam.

"Mereka sudah banyak kali mencabar kesabaran kita. Ini bukan lagi masanya untuk kita berlembut. Cukup...cukuplah kita bertolak ansur banyak kali sebelum ini, mereka tidak pernah belajar daripada kesilapan," katanya.

Beliau berkata, ia bukan bermakna Pemuda Umno menentang akhbar parti pembangkang, kerana percaya kerajaan tidak akan pilih kasih untuk bertindak terhadap mana-mana penerbitan yang melanggar syarat yang ditetapkan.

Ikmal Hisham berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar ini semalam bahawa Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) meminta kerajaan mengkaji semula pemberian permit penerbitan kepada Harakah kerana menyiarkan kartun yang menghina Dr Mahathir.

Kartun yang disiarkan dalam Harakah itu mamaparkan lakaran yang mengaitkan babi dengan punca wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS), manakala masalah Sekolah Agama Rakyat (SAR) dikaitkan dengan Dr Mahathir dengan lakaran wajahnya mempunyai hidung panjang, manakala namanya diganti dengan perkataan 'Mahazir'

Kedua-dua lakaran itu diletakkan bersebelahan.

Sementara itu, maklum balas yang diterima akhbar ini mendapati tindakan biadap Harakah mengundang kemarahan ramai rakyat, termasuk di kalangan ahli Pas sendiri.

Mereka berpendapat tindakan mengaitkan seorang saudara seagama, apa lagi pemimpin Islam disegani dengan babi adalah perbuatan melampau dan jelas tidak menggambarkan ajaran Islam yang dilaung-laungkan Pas.

Mereka menganggap tindakan Harakah menyiarkan kartun itu sebagai keterlaluan dan melanggar tata susila masyarakat negara ini.

Pergerakan Pemuda Umno semalam membakar Harakah, sebagai simbolik membantah dan mengecam akhbar itu kerana menyiarkan kartun menghina Perdana Menteri berkenaan.

Lebih 200 naskhah akhbar itu, termasuk poster yang mengecam serta menghina pemimpin Umno dibakar di perkarangan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) selepas majlis taklimat oleh Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, sempena Perhimpunan Agung parti itu di sini.

Kira-kira 50 ahli pergerakan, diketuai Exco Pemuda, Datuk Ab Rauf Yusoh yang juga Ketua Pemuda Bahagian Bukit Bintang membakar akhbar berkenaan sambil melahirkan rasa tidak puas hati terhadap perbuatan sidang pengarang Harakah.

KDN turut memberi amaran akan menarik balik permit Harakah jika penerbitnya terus melanggar syarat dengan menyalahgunakan akhbar itu untuk menyiarkan artikel atau kartun yang menghentam seseorang untuk kepentingan politik.

Timbalan Menterinya, Datuk Zainal Abidin Zin, berkata penerbit akhbar itu perlu bersedia menghadapi tindakan tegas kerana mereka sepatutnya sudah tahu mengenai had batasan penyiaran berita berdasarkan permit yang diberikan.

Mengikut syarat permit penerbitannya, Harakah hanya dibenarkan melaporkan mengenai aktiviti parti itu dan pengedarannya juga terhad kepada ahli saja dan tidak boleh dijual secara terbuka.

"Dalam hal ini (penyiaran kartun yang menghina Perdana Menteri) Bahagian Pelesenan dan Penerbitan di KDN akan menghubungi pengarang dan penerbit akhbar itu bagi memaklumkan kesalahan yang mereka lakukan.

"KDN akan menilai terlebih dulu apakah bentuk tindakan yang akan diambil dan pengarang, penerbit serta pencetak akhbar itu perlu bersedia terhadap apa juga tindakan tegas yang akan dikenakan kerana kerajaan sudah menetapkan prosedurnya," katanya kepada Berita Harian ketika dihubungi di sini, semalam.

(END)